

BAB V

BAB V

KESIMPULAN

Berdasarkan penjelasan terdahulu dapat disimpulkan bahawa dalam Surah *al-Hujurāt* mengandungi beberapa prinsip komunikasi. Huraian pertama dalam surah ini dimulakan dengan penjelasan mengenai etika komunikasi dengan Rasulullah S.A.W..

Dalam prinsip yang pertama ini menunjukkan bahawa etika berkomunikasi khususnya dengan Rasulullah S.A.W. menempati posisi yang sangat penting. Dalam huraian ini terdapat dua larangan yang menunjukkan bentuk komunikasi yang buruk, iaitu larangan meninggikan suara di atas suara Rasulullah S.A.W., dan larangan memanggil Baginda dengan suara yang keras seperti suara sebahagian kepada sebahagian yang lain.

Kedua-dua larangan tersebut mengandungi pengajaran etika yang sangat tinggi, hal ini terlihat dalam makna yang tersirat pada tinggi atau kerasnya suara iaitu tidak adanya penghormatan kepadanya. Kerana dalam proses komunikasi bukan hanya pengaruh personaliti sahaja yang akan mempengaruhi mesej yang disampaikan, tetapi suara juga memainkan peranan yang sangat penting.

Dalam pembahasan komunikasi bukan lisan (nonverbal), suara mempunyai makna gambaran emosi seseorang. Jika seseorang menyampaikan komunikasi berupa kasih sayang dan penghormatan, nada suara yang diucapkannya cenderung akan rendah. Sebaliknya jika seseorang dalam keadaan marah atau agresif, maka dia cenderung akan meninggikan suaranya.

Jadi meninggikan dan menguatkan suara ketika berkomunikasi dengan Rasulullah S.A.W. mengandung makna hilangnya nilai penghormatan kepadanya. Dan dalam larangan meninggikan serta menguatkan suara kepada Rasulullah S.A.W., sebaliknya terdapat perintah untuk merendahkan suara kepadanya. Perintah merendahkan suara ini bersifat abadi meskipun Baginda telah wafat. Antaranya ketika dibacakan hadith-hadith Nabi maka hendaklah orang yang mendengarnya merendahkan suara atau diam.

Merendahkan suara ini mengandung makna universal yang menunjukkan sikap menghormati dan memuliakan seseorang. Hal ini terlihat dalam beberapa ayat al-Qur'an yang menunjukkan perintah yang sama (Surah *Luqmān* [31]:19; Surah *al-Isrā'* [17]:23-24). Sebaliknya meninggikan suara dalam berkomunikasi akan memberi kesan pada bentuk komunikasi yang buruk, terutama dengan meninggikan suara kepada Rasulullah S.A.W. akan mengakibatkan terhapusnya pahala amal-amal baik.

Huraian berikutnya dilanjutkan dengan pembahasan mengenai pentingnya sikap menyelidik terhadap sebarang maklumat. Prinsip ini dijelaskan dalam ayat keenam sampai ayat kelapan pada surah tersebut. Perkara ini amat penting kerana dalam Islam penerimaan suatu maklumat bukan hanya mempunyai tanggung-jawab sosial sahaja, bahkan juga mempunyai tanggung-jawab di hadapan Allah S.W.T..

Sikap menyelidik yang diistilahkan dengan perkataan *tabayyun* memberi pengertian suatu proses untuk mendapatkan maklumat yang sahih dengan menggunakan rangka penyelidikan yang tepat, dengan didasarkan pada sikap berhati-hati dan tidak tergesa-gesa dalam menerima maklumat tersebut.

Proses ini merupakan perkara yang tidak dapat ditinggalkan dalam kehidupan berkomunikasi, kerana manusia seringkali menjadikan maklumat-maklumat yang diterimanya sebagai dasar untuk mengambil suatu keputusan. Oleh itu peranan sikap menyelidik (*tabayyun*) amat penting dalam menentukan kesahihan maklumat tersebut, supaya jangan sampai menghukumi seseorang atau mengambil suatu keputusan berdasarkan maklumat yang tidak sahih. Sikap menyelidik ini menunjukkan bahawa Islam menghendaki umatnya dibina oleh pemahaman dan pengetahuan yang benar.

Selanjutnya setelah penjelasan mengenai pentingnya sikap menyelidik, huraian berikutnya menjelaskan cara berkomunikasi dalam menghadapi konflik di

kalangan masyarakat mukmin, iaitu yang di huraikan pada ayat kesembilan dan kesepuluh dalam surah tersebut.

Proses komunikasi merupakan suatu proses interaksi sosial yang melibatkan individu-individu yang berbeza. Daripada perbezaan tersebut akan lahir suatu kerjasama antara satu dengan yang lain. Namun pada sisi lain, perbezaan tersebut kemungkinan akan terjadinya persaingan antara satu dengan yang lain, dari persaingan inilah akan melahirkan konflik antara individu-individu dalam masyarakat tersebut.

Konflik dan kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan. Namun demikian, pada dasarnya setiap manusia menginginkan kehidupan interaksinya tumbuh sebagai hubungan interaksi yang baik. Oleh sebab itu Islam memberikan jalan keluar pada manusia dalam menghadapi konflik antara orang-orang yang beriman, iaitu dengan cara *Ishlah* atau sikap mendamaikan antara mereka yang konflik.

Konsep *ishlah* ini merupakan jalan keluar yang terbaik dalam menghadapi konflik. Hal ini demikian, supaya konflik tersebut tidak mengarah pada bentuk perpecahan dan permusuhan. Namun jika dalam konflik tersebut terdapat puak yang membangkang atau menzalimi puak yang lain, dan puak tersebut tidak dapat didamaikan bahkan menolak terhadap bentuk perdamaian, maka pendekatan yang tepat untuk puak yang membangkang ini adalah dengan cara memeranginya, namun bentuk memeranginya amat berbeza dengan memerangi orang kafir.

Memerangi puak di kalangan orang mukmin yang membangkang atau zalim ini merupakan usaha untuk mengembalikan mereka pada ajaran yang benar. Dengan demikian memerangi mereka bukan malah menimbulkan kezaliman yang baru, melainkan supaya mereka kembali kepada pangkuan Islam, iaitu terwujud suatu bentuk persaudaraan Islam. Oleh demikian, dalam memerangi mereka pun mempunyai kode etika yang mesti dipatuhi, antaranya; jangan membunuh orang yang terluka, jangan membunuh tawanannya, jangan dikejar orang yang melarikan diri, dan jangan dibahagikan harta rampasan mereka.

Etika yang demikian itu adalah agar ketika memerangi puak yang membangkang, tidak lepas dari matlamatnya iaitu supaya kembali kepada hukum Allah dan Rasul-Nya. Sehingga akhir dari proses ini adalah terciptanya kembali persaudaraan antara mereka.

Untuk mewujudkan persaudaraan ini, setiap individu di kalangan masyarakat mukmin mesti berhati-hati daripada penyakit-penyakit sosial yang dapat merosakkan hubungan persaudaraan. Penyakit-penyakit sosial inilah yang dijelaskan pada ayat berikutnya iaitu pada ayat kesebelas dan kedua belas.

Antara penyakit-penyakit sosial ini ialah sikap mencemuh atau merendahkan orang lain, sikap mencela, memanggil dengan panggilan yang buruk, berprasangka buruk, merisik, dan *ghībah* (mengumpat).

Penyakit-penyakit sosial di atas adalah berakar daripada bentuk komunikasi yang buruk, kerana keharmonian interaksi sosial dalam masyarakat adalah bergantung pada baik atau buruknya proses komunikasi antara individu dalam lingkungan sosial tersebut. Dan sebagai neraca untuk melihat baik atau buruknya proses komunikasi dalam suatu lingkungan sosial, adalah sejauh mana penyakit-penyakit sosial tersebut wujud dalam kehidupan sosialnya.

Inti daripada beberapa penyakit sosial yang telah dijelaskan ialah agar setiap umat Islam mesti menjauhi dan mewaspadaikan terhadap penyakit-penyakit tersebut jangan sampai berlaku dalam proses komunikasinya. Sikap menjauhi beberapa penyakit sosial di atas, adalah sebagai bentuk pencegahan agar hubungan sosial di kalangan umat Islam menjadi hubungan sosial yang saling menghargai kehormatan setiap individu.

Sekiranya dalam kehidupan sosial terkecil, seperti antara anggota keluarga, saudara mara dan antara jiran, dapat tercipta kehidupan yang harmoni. Maka selanjutnya untuk menciptakan keharmonian dalam lingkungan lebih besar akan menjadi lebih mudah. Sehingga huraian selanjutnya dalam surah *al-Hujurat* adalah perintah kepada seluruh manusia untuk membina kehidupan sosial yang lebih luas, iaitu dengan berinteraksi dan berkomunikasi antara kelompok yang meliputi suku dan bangsa. Pernyataan ini yang dijelaskan pada ayat ketiga belas dalam surah tersebut.

Pada dasarnya manusia lebih cenderung berkomunikasi dengan orang yang memiliki banyak kesamaan. Seperti persamaan dari segi bahasa, warna kulit, bangsa, puak, atau persamaan-persamaan lainnya yang sekiranya dapat menjadikan proses komunikasinya lebih mudah.

Namun Islam menghendaki umatnya supaya membuka wawasan lebih luas dengan cara menciptakan interaksi antara manusia tanpa dibatasi oleh perbezaan-perbezaan tersebut. Sebab semua perbezaan itu tidak dapat dijadikan alasan untuk menghindari hubungan interaksi dan komunikasi antara mereka. Hal ini kerana dalam semua perbezaan-perbezaan itu terdapat persamaan, kenyataan ini terlihat dalam seruan pada ayat tersebut dengan menggunakan perkataan *al-nās*, yang mengandungi erti persamaan manusia sebagai bahagian daripada yang lainnya.

Islam mengakui bentuk keragaman manusia dari segi ras, bahasa, puak, bangsa dan negara. Namun Islam sangat mengecam apabila perbezaan tersebut melahirkan bentuk fanatisme kesukuan atau semangat perkauman yang berlebihan, sehingga melahirkan bentuk pengelompokan atas dasar perbezaan-perbezaan tersebut, yang akhirnya mengakibatkan tidak adanya sikap saling kerja sama dan sikap yang positif antara satu dengan yang lain.

Islam membawa manusia pada suatu bentuk kehidupan yang lebih luas, iaitu dengan adanya interaksi dan komunikasi yang tidak memandang perkauman atau

suku. Perintah supaya berkomunikasi dan berinteraksi yang harmoni tanpa memandang suku dan perkauman ini, terlihat dalam perkataan *lita'ārafū* pada ayat tersebut.

Dalam perkataan *Lita'ārafū* mengandung suatu mekanisme komunikasi antara kelompok yang didasari oleh adanya saling memahami serta saling pengertian terhadap kekurangan dan kelebihan masing-masing, yang akhirnya akan tercipta hubungan interaksi yang dapat membawa pada bentuk saling menghargai.

Matlamat yang dikehendaki oleh Islam melalui komunikasi dan interaksi antara kelompok yang berbeza-beza itu adalah supaya terciptanya hubungan sosial yang didasari oleh pemahaman bahawa semua manusia adalah sama di hadapan Allah S.W.T.. Kerana dalam pandangan Allah tidak ada kemuliaan pada manusia atas dasar ras, warna kulit, dan golongan. Melainkan yang paling mulia di sisi-Nya adalah yang paling bertakwa kepada-Nya.